

# SIRI IRSYAD

## *Kontemporari*




PEJABAT MUFTI



Majlis Ugama Islam Singapura  
(Islamic Religious Council of Singapore)

2  
(EDISI RAMADAN)



Hak cipta terpelihara.

Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak dibenarkan ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (*retrieval system*) atau diedarkan melalui sebarang cara termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit terlebih dahulu.



# PENDAHULUAN

---

بسم الله والصلوة والسلام على خير خلق الله، سيدنا محمد وعلى آله وأصحابه  
ومن اقتدي بهديه إلى يوم الدين، وبعد

Menjaga keselamatan awam dari bahaya yang mengancam kehidupan merupakan sebahagian dari tujuan utama (*Maqasid Syariah*) Islam. Sebarang perkara yang boleh membawa kepada kerosakan mesti dicegah dan dibendung. Di sinilah peranan kita sebagai warganegara Singapura untuk menjalankan tanggungjawab sosial agar penularan virus COVID-19 dapat dikawal dengan baik.

Penularan virus ini telah memberi kesan kepada kehidupan seharian kita. Sebagai contoh, sekiranya seseorang itu kurang sihat, dia perlu bersegera untuk mendapatkan rawatan. Dalam memenuhi tuntutan keagamaan pula, kita perlu memastikan pelaksanaan ibadah kita tidak menjelaskan orang lain. Maka sekiranya seseorang itu merasa kurang sihat, dia perlu mendapatkan rawatan dengan segera dan tidak ke masjid untuk melakukan ibadah buat sementara waktu. Ibadah yang dilaksanakan di rumah tidak mengurangkan nilainya. Lebih-lebih lagi sekiranya seseorang itu berniat untuk menjaga kemaslahatan umum. Islam menekankan kepentingan untuk memelihara keselamatan umum. Masyarakat Islam sebagai anggota masyarakat Singapura mempunyai tanggungjawab keagamaan serta sosial untuk memastikan mereka tidak menyumbang kepada penyebaran virus COVID-19.



Kami mengajak masyarakat Islam Singapura agar mengambil langkah-langkah pencegahan.

Buku panduan ini bertujuan untuk mengumpulkan beberapa panduan keagamaan terpilih yang telah dikeluarkan Pejabat Mufti berhadapan dengan situasi penularan virus COVID-19. Tambahan dari ini, ia juga mengumpulkan beberapa persoalan agama berkaitan situasi penularan wabak, yang telah diajukan anggota masyarakat kepada Muis sejauh ini.

Semoga Allah s.w.t. sentiasa melindungi diri kita, masyarakat serta negara yang kita cintai ini daripada segala bencana, serta mengurniakan kita jalan keluar pada masa yang terdekat. Amin Ya Rabbal 'alamin.

**Pejabat Mufti**  
**Majlis Ugama Islam Singapura**



## **5 PERKARA YANG KITA BOLEH LAKUKAN UNTUK MEMANFAATKAN RAMADAN SEPENUHNYA DALAM MASA- MASA SUKAR INI**

- 1** Dalami iman dan tingkatkan kerohanian kita dengan memberi penumpuan pada maksud di sebalik Ramadan  
Sama ada kita berjemaah ataupun bersendirian, Allah s.w.t melihat pada hati kita - niat, fokus dan matlamat kita.
- 2** Sebarkan rahmah, harapan dan kebaikan  
Bantu dan sokong mereka yang memerlukan. Kita mengharungi cabaran ini bersama, meskipun berjauhan.
- 3** Kekalkan jarak selamat, tetapi kukuhkan jalinan emosi  
Persaudaraan dan persahabatan kekal penting, maka ayuh kita jalinkan hubungan yang positif dan bermanfaat, meskipun berjauhan.
- 4** Bersyukur atas nikmat yang diperoleh, dan tidak merungut atas ujian yang menimpa  
Fokus pada banyaknya nikmat yang telah Allah s.w.t. kurniakan pada kita, dan bukan pada sesuatu yang telah diambilNya.
- 5** Belajar perkara baru  
Pertingkatkan bacaan dan penghafalan Al-Quran agar dapat membina keyakinan memimpin solat pada bila-bila masa dan tempat.

# ISU AQIDAH

## Memahami Hikmah di Sebalik Ujian

## Adakah penularan wabak ini merupakan suatu ujian atau bala' dari Allah s.w.t. ke atas manusia?

1. Allah s.w.t. menguji manusia dengan pelbagai bentuk ujian, termasuk kesakitan. Para Nabi dan Rasul turut diuji dengan pelbagai ujian, mereka menghadapinya dengan penuh ketabahan dan meyakini hikmah disebalik ujian yang menimpa mereka. Sebagai contoh, Allah s.w.t. menggambarkan ketabahan Nabi Ayub a.s. dalam menghadapi ujian, pada firmanNya:

﴿٨٣﴾ وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَفِي مَسَنِيَ الْضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّحِيمِينَ  
فَاسْتَجَبْنَا لَهُ فَكَشَفْنَا عَمَابِيهِ مِنْ ضُرِّهِ وَأَتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ  
مَعَهُمْ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِنَا وَذِكْرَى لِلْعَنِيدِينَ ﴿٨٤﴾

Yang bermaksud: "Dan (ingatlah kisah) Ayub, ketika ia menyeru TuhanYa: "(Ya TuhanKu) sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau adalah Tuhan Yang Maha Penyayang di antara semua yang penyayang. Maka Kami pun memperkenankan seruannya itu, lalu Kami lenyapkan penyakit yang ada padanya dan Kami kembalikan keluarganya kepadanya, dan Kami lipat gandakan bilangan mereka, sebagai suatu rahmat dari sisi Kami dan untuk menjadi peringatan bagi semua yang menyembah Allah." (Surah al-Anbiya', ayat 83-84).



2. Oleh itu, sesuatu wabak juga merupakan sebahagian dari ujian Allah s.w.t. Walaupun Allah s.w.t. kadangkala menguji kerana cinta dan kasih sayangNya, ujian Allah s.w.t. juga boleh disebabkan kesilapan serta dosa manusia. Sebagai contoh, firman Allah s.w.t. berkaitan umat terdahulu yang bermaksud: “*(Dan Kami hancurkan mereka di sebabkan dosa mereka)*”. (Surah al-An’am, ayat 6). Maka bagaimana seharusnya kita memahami maksud disebalik ujian dan musibah?

*Hanya Tuhan mengetahui hikmah di sebalik sesuatu ujian. Manusia diperintahkan untuk bersabar dan meningkatkan keimanan tatkala diuji.*



3. Dari dalil-dalil dan nas-nas agama, kita memahami bahawa yang mengetahui hikmah serta rahsia di sebalik ujian adalah Tuhan sahaja. Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w., tiada manusia yang boleh mengetahui secara pasti, sebab dan punca berlakunya sesuatu musibah ke atas seseorang mahupun sesuatu kaum.



## Bagaimana seorang Mukmin perlu memandang ujian dalam kehidupan?


---

4. Seorang mukmin memandang ujian dan cabaran dalam kehidupan sebagai suatu ketetapan Tuhan. Di sebaliknya terkandung hikmah yang mungkin hanya akan terzahir setelah beberapa masa berlalu. Dari itu, Baginda s.a.w. mengajar kepada umatnya untuk sentiasa berkata yang baik ketika sedang diuji, sama ada dengan memuji Tuhan lalu berkata: بِسْمِ اللَّهِ (Hadis Qudsi, riwayat Ahmad), ataupun mengucap: إِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ (Surah al-Baqarah, ayat 156). Baginda s.a.w. juga memberi panduan ketika menziarahi orang sakit, untuk memberi kepadanya semangat dan kata-kata yang positif : لَا بَأْسَ طَهُورٌ، إِنْ شَاءَ اللَّهُ، yang bermaksud: *Tidak mengapa, (semoga penyakit ini) membersihkan (dosamu), insya Allah.* (Hadis riwayat Imam Bukhari).

<sup>1</sup>

---

[1] Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, hadis no. 3616.

- 
5. Seorang mukmin menyedari bahawa setiap ujian itu adalah rahmat Allah s.w.t. Kita juga perlu mengukuhkan keimanan kita, kerana iman yang bakal memberikan kepada kita kekuatan untuk mengharungi ujian dengan penuh ketabahan. Tingkatkan juga amalan dan berdoa memohon pertolongan dariNya. Sebagai satu masyarakat, kita bertanggungjawab untuk bersatu padu dan bekerjasama dalam menghadapi ujian.
  6. Dalam menghadapi situasi sekarang ini, setiap individu perlu melindungi dirinya dari penyakit berjangkit dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya. Apabila beliau sengaja mendedahkan diri kepada bahaya jangkitan dan kemudian dijangkiti, maka beliau sebenarnya telah memilih takdir dan qada' yang buruk untuk dirinya.

# Panduan Agama bagi Membendung Penularan Wabak

- 
7. Islam telah menetapkan beberapa panduan keagamaan yang perlu diberi perhatian ketika berhadapan dengan penularan wabak.

*Kemudaratan khas hendaklah ditanggung oleh individu demi menolak kemudaratan yang lebih umum*

## Pencegahan daripada penyakit

8. Islam menitikberatkan aspek pencegahan daripada seseorang terkena jangkitan. Kaedahnya berbunyi,

الوقاية خير من العلاج

Yang bermaksud: “*Pencegahan [daripada penyakit] lebih baik daripada mencari rawatan.*”<sup>2</sup>

9. Rasulullah s.a.w. menitikberatkan kepentingan mencegah penularan penyakit berjangkit. Mencegah diri dari dijangkiti adalah lebih diutamakan daripada merawat diri setelah dijangkiti. Maka salah satu langkah pencegahan yang perlu diperhatikan adalah menjaga kebersihan diri serta lingkungan dan menjaga kesihatan diri. Agama amat mementingkan kebersihan seperti sabda Rasulullah s.a.w.:

---

[2] Al-Sadlān, Ṣalīḥ Ghānīm, al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Kubrā wa mā Tafarra' 'anhā, hlmn. 508.

## الظُّهُورُ شَطْرُ الإِيمَانِ

Yang bermaksud: “Kesucian adalah sebahagian dari iman.”  
(Hadis riwayat Imam Muslim).<sup>3</sup>

### Menjauhi Tempat-tempat Perkumpulan Awam

10. Selain menjaga kesihatan dan kebersihan diri, setiap Muslim yang kurang sihat perlu menjauhi dirinya dari tempat-tempat perkumpulan orang ramai (termasuk masjid), kerana ini boleh menyebabkan penularan wabak atau jangkitan penyakit. Sabda Rasulullah s.a.w.:

لَا يُورَدَنَ مُمْرِضٌ عَلَى مُصَحٍّ

Yang bermaksud: “Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat.”  
(Hadis riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim).<sup>4</sup>

11. Dalam konteks sekarang ini, mereka yang tidak mempedulikan pentingnya pencegahan penularan sebenarnya menyalahi sunnah Rasulullah s.a.w..

---

[3] Muslim bin al-Hajjāj, Ṣaḥīḥ Muslim, hadis no. 223.

[4] Al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, hadis no. 5771; Lihat juga, Muslim bin al-Hajjāj, Ṣaḥīḥ Muslim, hadis no. 2221

12. Dalam hadis yang lain (riwayat Imam Muslim) Rasulullah s.a.w. melarang seseorang yang berbau mulutnya (kerana memakan makanan yang berbau seperti bawang putih) daripada menghadiri solat berjemaah di masjid, kerana ia mengganggu ketenteraman jemaah masjid. Sekiranya hanya kerana bau mulut beliau dilarang untuk datang ke masjid, apatah lagi sekiranya seseorang yang menghidapi penyakit berjangkit, yang bukan hanya menganggu orang lain, bahkan mendedahkan bahaya kepada orang lain.

### **Tidak Keluar dari Tempat Wabak atau Memasuki Tempat Wabak**


13. Mereka yang berada di tempat wabak tidak boleh keluar dari kawasannya. Mereka yang sihat pula tidak seharusnya memasuki tempat yang terkena wabak, sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w.:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Yang bermaksud: “Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi kepadanya. Dan apabila ia berlaku di tempat yang kamu berada di dalamnya, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya.” (Hadis riwayat Imam Muslim).<sup>5</sup>

---

[5] Muslim bin al-Hajjāj, *Šahīh Muslim*, hadis no. 2219.



14. Larangan ini bertujuan untuk membendung penyakit yang berjangkit daripada merebak ke kawasan lain dan agar ia tidak menjejas masyarakat lain. Tambahan dari ini, setiap individu perlu memastikan bahawa ia menuruti nasihat pakar dan petugas kesihatan. Ini termasuklah sekiranya seseorang itu menerima arahan '*Stay Home Notice*' atau '*Leave of Absence*' untuk meletakkan dirinya di bawah asingan (kuarantin) bagi kemaslahatan diri, keluarga dan masyarakat umum. Ini juga bersesuaian dengan kaedah fiqh: "*Kemudarat khas hendaklah ditanggung oleh individu demi menolak kemudarat yang lebih umum.*"

## Apakah panduan agama bagi mereka yang mengalami penularan wabak ?

---

15. Panduan Rasulullah s.a.w. bagi mereka yang berhadapan dengan ujian penyakit wabak, adalah untuk menetap di rumahnya dan bersabar. Baginda s.a.w. bersabda yang bermaksud: "*Dan tidaklah seseorang yang ketika terjadi wabak Ta'un, dia lalunya tinggal di rumahnya dengan penuh sabar dan berharap pahala (di sisi Allah s.w.t.), dia yakin bahwasanya tidak akan menimpa dirinya kecuali apa yang Allah tetapkan, maka dia akan mendapatkan seperti pahala syahid.*" - (*Hadis riwayat al-Bukhari*).



## Keperluan untuk menutup tempat ibadat kerana berlakunya penularan di kawasan tersebut

16. Masjid boleh ditutup buat sementara waktu bagi melalui proses pembersihan yang rapi dan/atau untuk memastikan tiada penularan virus yang berlaku. Ketika itu, segala aktiviti akan digantung buat sementara waktu, termasuk juga solat berjemaah dan solat Jumaat. Sepertimana yang telah diputuskan Jawatankuasa Fatwa Muis pada **18 Feb 2020**.

### *Keputusan Fatwa*

*...sekiranya penularan virus COVID-19 semakin meluas dan kritikal. Sehingga memerlukan penutupan masjid. Maka, penggantungan solat jemaah serta solat Jumaat sepanjang tempoh tersebut adalah diharuskan.*

## Mengurangkan masa di tempat perkumpulan awam bagi golongan yang berisiko tinggi

17. Menurut dapatan terkini, terdapat beberapa golongan yang lebih berisiko tinggi, seperti warga emas dan mereka yang menghidapi penyakit kronik. Oleh itu, ikutlah panduan berikut:
- a. **Warga emas:** Kurangkan masa di tempat perkumpulan awam termasuk masjid, buat masa ini. Dan sekiranya pihak berkuasa telah mengesahkan keselamatan untuk mengadakan solat Jumaat, maka laksanakan solat Jumaat sekali setiap tiga minggu.



**b. Mereka yang berpenyakit kronik:** Ada keringanan untuk tidak melaksanakan solat Jumaat, maka tidak wajib melaksanakannya.

### **Keperluan untuk menggantungkan sementara upacara keagamaan**

18. Untuk mengelakkan penularan daripada berlaku, perlu ditangguhkan acara yang melibatkan berkumpulnya ramai orang seperti majlis-majlis perayaan dan sekolah-sekolah. Ini termasuk acara dan kegiatan di rumah-rumah peribadatan. Penggantungan solat berjemaah di masjid, solat Jumaat, ceramah dan kelas-kelas agama di masjid adalah sebahagian dari usaha untuk mengelakkan jangkitan dan penularan wabak. Ini pernah berlaku di dalam sejarah Islam. Masjidil Haram pernah ditutup pada tahun 1979, disebabkan tindakan keganasan yang berlaku di masjid tersebut.

19. Walaupun masjid ditutup, amalan agama serta ibadah tetap perlu berterusan di rumah masing-masing. Sebagai contoh, kita harus 1) berusaha untuk memperbanyakkan bacaan al-Quran, (2) melaksanakan solat berjemaah bersama keluarga, (3) luangkan masa untuk membaca dan mendalami ilmu agama dan (4) anda boleh juga menghubungi para asatizah sekiranya terdapat kemusykilan agama sepanjang tempoh ini.

## **Langkah Pencegahan Lanjut**

- 20.** Kementerian Kesihatan (MOH) dalam panduannya bertarikh 20 Mac 2020 telah menetapkan beberapa garis pandu tertentu, antaranya untuk memastikan adanya jarak selamat (safe distancing)<sup>6</sup> antara individu sekurang-kurangnya 1 meter. Tambahan dari ini, pemerintah telah memperkenalkan undang-undang baru pada 7 April 2020 bagi mengawal penularan COVID-19. Di bawah akta COVID-19 (Langkah-langkah Sementara), setiap individu pada waktu ini, dikehendaki untuk menetap di rumah masing-masing, dan hanya dibenarkan untuk meninggalkan tempat kediaman mereka bagi menguruskan keperluan penting sahaja.
- 21.** Langkah-langkah yang diperkenalkan ini adalah merupakan langkah pencegahan yang amat penting demi memastikan keselamatan dan kesihatan orang ramai bagi membendung penularan wabak daripada berterusan. Ia juga perlu diperhatikan oleh umat Islam ketika terdapat keperluan untuk menuaikan syiar-syiar agama, seperti menguruskan jenazah serta melaksanakan solat jenazah ketika ini.

---

[6] Sila lihat <https://www.moh.gov.sg/news-highlights/details/stricter-safe-distancing-measures-to-revent-further-spread-of-covid-19-cases>




**22.** Oleh kerana pengurusan jenazah merupakan suatu fardhu kifayah, pelaksanaan solat jenazah masih perlu dilaksanakan, namun, dengan penyesuaian demi mengawal penularan COVID-19. Secara prinsip, peraturan menghadkan jumlah orang yang menguruskan jenazah kepada paling minimum (hanya pengurus jenazah dan keluarga terdekat) hendaklah dipatuhi.

**23.** Segala pengurusan jenazah, termasuk memandikan, mengkafarkan, solat jenazah, dan pengkebumian hendaklah hanya dilaksanakan oleh:

- Pengurus jenazah bertauliah;
- Anggota keluarga yang terdekat dengan almarhum tidak melebihi 10 orang.

**24.** Di samping itu, solat jenazah hanya boleh dijalankan di dalam rumah, dengan mematuhi perkara-perkara berikut: i) mereka yang solat jenazah tidak melebihi 10 individu (tidak termasuk petugas pengurusan jenazah); ii) pastikan jarak fizikal sekurang-kurangnya satu meter antara jemaah bersebelahan dan di antara saf.



**25.** Adapun pada situasi di mana almarhum tidak memiliki ahli keluarga terdekat, ataupun beliau sebelumnya tinggal di rumah tumpangan dan sebagainya, pihak pengurusan jenazah ketika itu perlu menghubungi Masjid Pusara Aman, untuk melaksanakan solat jenazah di ruang masjid tersebut.

- 
- 
- 
- 
- 
- 
- 26.** Bagi anggota keluarga yang lain yang tidak dapat menunaikan solat tersebut, mereka boleh menunaikan solat jenazah *ghaib*.

### *Bagaimana menunaikan Solat Al-Ghaib?*

*Solat jenazah ghaib adalah sama seperti solat jenazah biasa, melainkan niat, kerana jenazah tidak ada di hadapan. Bagi menunaikan solat jenazah ghaib, sila perhatikan yang berikut:*

*1) menghadap kearah kiblat, 2) menanam niat untuk mendirikan solat jenazah ghaib; 3) Kemudian melaksanakan solat jenazah ghaib seperti mana solat jenazah yang biasa.*

- 
- 
- 
- 
- 27.** Jumlah mereka yang mengiring jenazah ke tanah pengebumian juga tidak boleh melebihi 10 individu daripada ahli keluarga terdekat.
- 28.** Sekiranya ahli keluarga ingin membaca tahlil setelah selesai pengebumian, pastikan bahawa mereka yang menyertai bacaan tahlil tersebut hanya terdiri daripada anggota keluarga yang tinggal serumah dengan almarhum. Anggota keluarga boleh juga meminta seorang ustaz untuk memimpin acara tahlil tersebut secara persidangan video (*video conferencing*).



29. Selain daripada pengebumian jenazah, di bawah akta COVID-19 (Langkah-langkah Sementara), menziarahi kubur **sama sekali tidak dibenarkan**. Sebagai ganti, ahli keluarga digalakkan untuk memperbanyakkan berdoa bagi almarhum di rumah masing-masing

### Apakah sah pelaksanaan solat berjemaah/jenazah sekiranya terdapat ruang kosong dengan jemaah yang diri bersebelahan?

---

30. Isu ini telah dibahaskan oleh para fuqaha' mazhab Al-Syafieyah. Al-Khatib al-Shirbini berpendapat bahawa menyempurnakan saf dengan memastikan tiada ruang yang kosong antara jemaah merupakan antara perkara yang **digalakkan** dan bukan syarat sah solat berjemaah.<sup>7</sup> Begitu juga Imam Al-Ramli berpendapat bahawa ia tidak memberi kesan kepada kesahihan solat berjemaah.<sup>8</sup> Imam An-Nawawi juga berpendapat bahawa di mana sahaja seseorang itu berdiri untuk melaksanakan solat berjemaah di masjid, maka solatnya itu dianggap sebagai sah.<sup>9</sup>


---

[7] Al-Khaṭīb al-Shirbīnī, Mughnī al-Muḥāj, juz 1, pp 493.

[8] Umar Al-Quradaghi, Al-Manhal Al-Naddah fi Ikhtilaf al-Ashyaikh, hlmn. 110.

[9] An-Nawawī, Al-Majmū', juz 4, hlmn. 308.

31. Tujuan merapatkan saf serta tidak membiarkan adanya ruang kosong adalah bagi menjamin kesatuan hati sepetimana yang disabdakan Rasulullah s.a.w (hadis riwayat Anas ibn Malik).<sup>10</sup> Adapun dalam situasi penularan wabak seperti hari ini, menjarakkan saf ketika melaksanakan solat berjemaah sebenarnya memenuhi tujuan Syariah, iaitu menolak kemudaratan. Ia tidak bercanggah dengan tujuan di sebalik penjagaan saf.



[10] Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud: “Wahai hamba-hamba Allah, rapatkanlah saf kamu atau Allah akan mewujudkan perselisihan antara kamu” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

# Permasalahan Fiqh

## Keringanan untuk Meninggalkan Solat Berjemaah dan Solat Jumaat bagi yang Berkeuzuran

32. Para ulama' telah membahaskan beberapa keadaan yang membolehkan seseorang itu dikecualikan dari melaksanakan solat berjemaah serta solat Jumaat. Ini berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w. yang diriwayatkan Abu Daud yang mengiktirafi **ketakutan dan penyakit** sebagai bentuk keuzuran yang membolehkan seseorang untuk tidak melaksanakan solat berjemaah, walaupun beliau mendengar azan.

33. Keuzuran meninggalkan solat berjemaah merangkumi:

- (i) solat sunat seperti solat tarawih dan witir,
- (ii) fardhu kifayah seperti solat jenazah;
- (iii) fardhu ain seperti solat Jumaat.

Imam An-Nawawī menjelaskan :

(أَمَا حُكْمُ الْمَسْأَلَةِ فَقَالَ أَصْحَابُنَا : تَسْقُطُ الْجَمَاعَةُ بِالْأَعْذَارِ سَوَاءً قَلَّنَا إِنَّهَا سَنَةٌ  
أَمْ فَرْضٌ كَفَايَةٌ أَمْ فَرْضٌ عَيْنٌ ...)

Yang bermaksud: "Adapun mengenai hukum masalah ini, Ulama mazhab al-Shafieyah berkata: Solat berjemaah dikira gugur dengan keuzuran, tidak kira sama ada kita mengatakan solat itu sunat atau pun fardhu kifayah atau pun fardhu ain..."<sup>11</sup>

---

[11] An-Nawawī, Al-Majmū', juz 4, hlmn. 98; Lihat juga, Ibn Qudāmah, Al-Mughnī, juz 2, hlmn. 376; Al-Zuhaylī, Wahbah, Al-Fiqh Al-Islāmī wa Adillatuh, juz 2, hlmn. 169.



Beliau juga menambah bahawa seorang Muslim dibenarkan untuk meninggalkan solat Jumaat kerana keuzuran yang sama:

من الأعذار المرخصة في ترك الجمعة، يرخص في ترك الجمعة

Yang bermaksud: “*Segala keuzuran yang menjadi penyebab solat berjemaah itu boleh ditinggalkan, ia diterima sebagai satu keringanan untuk ditinggalkan solat Jumaat.*”<sup>12</sup>

Seseorang dibenarkan untuk meninggalkan solat jemaah dan solat Jumaat dalam keadaan penularan wabak. Begitu juga bagi mereka yang menerima perintah kuarantin, ataupun khuatir akan dijangkiti penyakit. Bagi mereka yang tidak menghadiri solat Jumaat, mereka perlu menuaikan kewajipan solat Zohor.

34. Begitu juga bagi sesuatu masyarakat yang sedang ditimpa musibah atau menghadapi situasi yang menyukarkan. Di zaman sahabat, ketika berlaku hujan lebat, ia telah menimbulkan kemudaran dan kesusahan untuk ke masjid, Ibn 'Abbas telah mengarahkan muazzin untuk menambah pada lafaz azan laungan “صلوا في بيوتكم” (Sembahyanglah di rumah kamu). Ibn 'Abbas r.a. lalu berkata:

أَتَعْجَبُونَ مِنْ ذَلِكِ! لَقَدْ فَعَلَ ذَلِكَ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِّنِّي، إِنَّ الْجُمْعَةَ عَزْمَةٌ، وَإِنِّي كَرِهْتُ أَنْ أُخْرِجَكُمْ فَتَمْشُوا فِي الطَّينِ وَالدَّخْنِ.

---

[12] An-Nawawī, Rauḍah Al-Ṭālibīn, juz 1, hlmn. 146.



Yang bermaksud: "Ibn Abbas berkata: Adakah kamu merasa hairan tentang hal ini! Sesungguhnya ia telah dilakukan oleh yang lebih mulia daripadaku (iaitu Rasulullah s.a.w.). Sesungguhnya solat Jumaat merupakan satu kewajipan, dan saya tidak suka untuk menyuruh kamu keluar (mengerjakan solat Jumaat) dalam keadaan kamu berjalan di atas tanah dan lumpur."<sup>13</sup>

35. Imam Ibn 'Abd al-Barr juga menerangkan di dalam kitab al-Tamhid jenis keuzuran yang diiktiraf untuk meninggalkan solat berjemaah dan Jumaat. "Keuzuran" sangat luas maksudnya. Intinya adalah segala situasi yang mencegah seseorang dari menghadiri pelaksanaan solat Jumaat seperti sesuatu yang membahayakan atau memudaratkan, atau ditakuti kezalimannya, atau menggugurkan suatu kewajipan yang tidak ada seorang pun yang mampu menggantikannya. Di antara keuzuran tersebut adalah (takut dari) penguasa zalim yang akan membuat kezaliman, hujan deras yang berterusan, sakit yang mencegahnya, dan seumpamanya."<sup>14</sup>

---

[13] Al-Bukhārī, Ṣahīḥ al-Bukhārī, hadis no. 901; Lihat juga, Muslim bin al-Hajjāj, Ṣahīḥ Muslim, hadis no. 699.

[14] Ibn Abd Al-Barr, Al-Tamhid, juz 16, hlm 243.



36. Sekiranya masjid dibuka dan solat Jumaat dijalankan, mereka yang menerima arahan '*Stay Home Notice*' atau '*Leave of Absence*' dibolehkan untuk meninggalkan solat berjemaah ataupun solat Jumaat di masjid, selagimana terdapat niat dalam dirinya untuk melakukan sesuatu ibadah tersebut, akan tetapi tidak dapat melaksanakannya kerana terhalang. Allah s.w.t. tetap menjanjikan pahala yang sempurna buatnya. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "*Barangsiaapa yang menginginkan kebaikan dan tidak melakukannya, maka satu kebaikan ditulis untuknya, jika beliau melakukannya, dituliskan baginya sepuluh kebaikan.*" (Hadis riwayat Imam Ahmad).

### Saya keliru sama ada boleh bersalaman atau tidak bersalaman waktu penularan wabak. Apakah hukumnya?

---

37. Menurut pakar sains dan perubatan, virus ini boleh berjangkit melalui percikan titisan ketika orang yang dijangkiti bersin ataupun batuk. Sekiranya titisan tersebut terkena pada permukaan, lalu permukaan tersebut disentuh orang lain, beliau boleh dijangkiti sekiranya

*Rasulullah s.a.w. mengamalkan langkah pencegahan dengan tidak bertemu dan tidak bersalaman dengan mereka yang sedang menghadapi penyakit berjangkit*

beliau menyentuh hidung atau matanya, tanpa membersihkan tangannya. Tidak bersalaman adalah langkah pencegahan untuk mengelakkan jangkitan.



38. Rasulullah s.a.w. pernah didatangi sekumpulan orang dari Bani Thaqif untuk berbai'ah, dan salah seorang dari rombongan tersebut menghidapi penyakit yang berjangkit. Rasulullah s.a.w. ketika itu mengutus seorang sahabat kepadanya seraya berkata:

إِنَّا قَدْ بَأْيَغْنَاكَ فَازْجِعْ

Yang bermaksud: "*Sesungguhnya kami telah menerima janji setia kamu, maka pulanglah.*" (Hadis riwayat Imam Muslim).<sup>15</sup>



39. Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w. mengamalkan langkah pencegahan dengan tidak bertemu dan tidak bersalaman dengan mereka yang sedang menghidapi penyakit berjangkit. Bersalaman bukanlah suatu perkara yang wajib, dan ia boleh ditinggalkan buat sementara waktu selagimana kita perlu mengelakkan jangkitan.

---

[15] Muslim bin al-Ḥajjāj, Ṣaḥīḥ Muslim, hadis no. 2231; Lihat juga, Al-Nawawī, Ṣaḥīḥ Muslim bi Syarḥ Muslim, juz 14, hlmn. 327.



**Saya telah membeli bahan pencuci tangan 'Hand Sanitizer' yang mengandungi alkohol. Adakah seorang Muslim itu dibenarkan untuk mengguna 'Hand Sanitizer' tersebut?**

---

40. Setiap individu perlu menjaga kebersihan diri dan salah satu caranya adalah dengan memastikan kebersihan tangan, sama ada dengan membasuhnya ataupun dengan menggunakan bahan pembersih tangan (*hand sanitizer*). Penggunaan bahan pembersih tangan yang mengandungi alkohol adalah sesuatu yang dibenarkan. Ini telah diputuskan Jawatankuasa Fatwa Muis pada tahun 2008 bahawa bahan alkohol yang digunakan dalam rawatan perubatan (termasuk juga *hand sanitizer*) bukanlah dari jenis alkohol yang dilarang penggunaannya oleh agama.

**Adakah syarak membolehkan larangan menunaikan Umrah/Haji untuk mencegah wabak ini dari menular dengan lebih meluas?**

---

41. Telebih dahulu, perlu ditegaskan bahawa semua individu perlu menuruti segala panduan dan arahan yang ditetapkan kerajaan Saudi Arabia. Sebagai pihak yang bertanggungjawab ke atas keselamatan para jemaah (umrah dan haji) serta rakyat tempatan, segala keputusan yang diambil mengambil kira kemaslahatan awam.



Agama menetapkan bahawa sekiranya terdapat pertembungan antara *maṣlaḥah* (kemaslahatan) dan *mafsadah* (kemudaratan), maka menolak sesuatu kemudaratan itu lebih diutamakan. Rasulullah s.a.w. bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا خِرَارَ

Yang bermaksud: “*Tiada bahaya dan tidak membahayakan.*” (Hadis riwayat Ibn Majah).<sup>16</sup>

42. Dalam usaha untuk mencegah sebarang bentuk kemudaratan yang dapat menjejas kemaslahatan kehidupan manusia, larangan untuk menuaikan ibadah Umrah/Haji buat seketika waktu perlu dituruti. Agar kemudaratan yang sedang menular dapat dibendung dan dikawal serta memelihara kesihatan dan keselamatan manusia seluruhnya.<sup>17</sup>

---

[16] Ibn Mājah, Sunan Ibn Mājah, hadis no. 2341.

[17] Majlis Al-Imārāt li al-Iftā’ al-Syarī’, Fatwā fī Nāzilah (Fīrūs Kūfid-19 (kūrūnā) wa Mā Yata’alaq bih min al-Aḥkām, keputusan fatwa no. 22 tahun 2020.

# Solat Sunnat Tarawih



## Adakah kita dibolehkan untuk menunaikan solat tarawih berjemaah di rumah?

---

43. Dalam soal ibadat solat, Rasulullah s.a.w. menganjurkan agar sebahagian solat sunnat atau yang bukan fardhu dilaksanakan di rumah. Ini sepertimana yang ditegaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadisnya:

صَلُّو أَيْمَنَ النَّاسُ فِي بُيُوتِكُمْ فَإِنَّ أَفْضَلَ الصَّلَاةِ صَلَاةُ الْمَرْءِ فِي بَيْتِهِ  
إِلَّا الْمَكْتُوبَةُ

Yang bermaksud: “Solatlah wahai manusia di rumah kamu. Sesungguhnya sebaik-baik solat bagi seseorang adalah di rumahnya kecuali solat fardhu.” (Hadis riwayat Imam Bukhari).<sup>18</sup>

44. Berdasarkan hadis di atas, solat tarawih merupakan antara solat sunnah yang boleh dilaksanakan di rumah. Bahkan pada awal pensyariatan solat tarawih, Rasulullah s.a.w. melakukannya sendirian, lalu para sahabat mengikuti di belakang Baginda dan melaksanakannya secara berjemaah. Namun, beberapa malam kemudiannya, Rasulullah s.a.w. melaksanakannya secara sendirian di rumah Baginda. Ini terakam dalam sebuah hadis yang bermaksud: “Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pada suatu malam sedang solat di dalam masjid. Maka orang ramai pun mengikut solat bersama Baginda.

---

[18] Al-Bukhārī, Saḥīḥ al-Bukhārī, hadis no.: 731.



*Kemudian pada malam berikutnya, Baginda solat sekali lagi dan jemaah yang mengikutnya semakin ramai. Pada malam yang ketiga atau keempat, orang ramai berkumpul menanti ketibaan Rasulullah s.a.w. sebaliknya Baginda tidak keluar kepada mereka. Apabila masuk waktu subuh, Baginda bersabda kepada para jemaah: Sesungguhnya aku telah melihat apa yang kamu semua lakukan. Dan tidaklah yang menghalang aku dari keluar kepada kamu melainkan aku takut solat itu akan difardhukan ke atas kamu semua. Yang demikian itu berlaku pada bulan Ramadan."* (Hadis riwayat Imam Bukhari).<sup>19</sup>

45. Oleh yang demikian, solat tarawih di rumah juga merupakan sunnah Rasulullah s.a.w.. Apatah lagi dalam keadaan sekarang ini, maka pelaksanaan solat tarawih di rumah bersama keluarga adalah digalakkan.

### **Bilakah bermulanya waktu solat tarawih?**

---

46. Anda boleh melaksanakan solat tarawih sejurus setelah solat Isyak sehingga sebelum waktu Subuh. Ini kerana solat tarawih merupakan solat malam (Qiyam/ Tahajjud). Istilah 'tarawih' itu sendiri memberi maksud beristirehat, dari itu para sahabat Rasulullah s.a.w. ketika melakukan solat tarawih akan duduk beristirehat antara rakaat-rakaat solat tarawih. Dari itu, anda boleh menjarakkan antara rakaat solat tarawih yang anda laksanakan.

---

[19] Al-Bukhārī, Saḥīḥ al-Bukhārī, hadis no.: 1129.

## **Adakah solat tarawih disunnatkan sebanyak 8 rakaat atau 20 rakaat?**

---

47. Semasa awal pensyariatan solat tarawih, diriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. melakukannya sebanyak 8 rakaat. Sayyidatina Aisha r.a. berkata yang bermaksud: "*Rasulullah s.a.w. tidak menambah pada bulan Ramadan dan bulan lainnya daripada 11 rakaat, Baginda mendirikan solat empat rakaat, jangan engkau tanya keelokkannya dan kepanjangannya, kemudian Baginda melakukan solat sebanyak 4 rakaat, maka jangan engkau tanya keelokkannya dan kepanjangannya. Kemudian Baginda menunaikan solat 3 rakaat. Aku berkata: Wahai Rasulullah, adakah engkau tidur terlebih dahulu sebelum melakukan solat witir? Maka Baginda bersabda: Wahai A'ishah, sesungguhnya kedua mataku tidur, sedangkan hatiku tidak tidur.*" (Hadis riwayat Imam Bukhari).<sup>20</sup>

48. Pelaksanakan solat tarawih seperti mana amalan Baginda s.a.w. diteruskan oleh para sahabat sehingga di zaman pemerintahan Sayyidina Umar al-Khattab r.a. Beliau memilih untuk mengumpulkan masyarakat Islam untuk menunaikan solat tarawih secara berjemaah dengan seorang imam dan didirikan sebanyak 20 rakaat. (Hadis riwayat Imam Bukhari).<sup>21</sup>

---

[20] Al-Bukhārī, Saḥīḥ al-Bukhārī, hadis no.: 2013.

[21] Al-Bukhārī, Saḥīḥ al-Bukhārī, hadis no.: 2010.



Maka secara kesimpulan, kedua-dua cara ini (berjemaah di masjid ataupun di rumah, 8 rakaat ataupun 20 rakaat) merupakan suatu amalan yang diteruskan sehingga ke hari ini.

## Bagaimanakah cara untuk saya dan keluarga saya dapat mendirikan solat tarawih secara berjemaah?

---

49. Pada ketika penularan wabak yang berlaku, setiap individu sewajarnya melaksanakan ibadah solat tarawih bersama keluarga di rumah. Setiap keluarga boleh memilih untuk melaksanakan jumlah rakaat yang dirasakan sesuai dan dimampuinya.
50. Secara ringkas, cara pelaksanaan solat tarawih adalah seperti berikut:

- Setiap solat itu didirikan secara sendirian atau berjemaah sebanyak 2 rakaat setiap solat. Niat solat tarawih:

**أَصْلَى سُنَّة التَّرَاوِيْح رَكْعَتَيْنِ إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى**  
*(Usolli sunnata-taraawiihi rak'ataini imaamam/ makmumam  
lillah ta'ala)*

*Sahaja aku solat sunnat tarawih dua rakaat secara imam/makmum kerana Allah ta'ala.*

- Solat dilakukan sebanyak 4 kali bagi 8 rakaat solat tarawih atau 10 kali bagi 20 rakaat solat tarawih (satu salam setiap dua rakaat).

## Apakah bacaan yang dianjurkan dalam solat tarawih?

51. Selepas membaca surah al-Fatiyah pada setiap rakaat solat sunnat tarawih anda boleh membaca mana-mana surah ataupun potongan ayat yang anda hafal.
52. Sekiranya anda ada kemampuan, digalakkan untuk membaca beberapa surah-surah yang tertentu seperti berikut:

	20 Rakaat	8 Rakaat
Dari malam 1 hingga 15 Ramadan	<ul style="list-style-type: none"><li>Setiap rakaat pertama dibaca satu surah bermula dari surah at-Takathur sehingga surah al-Lahab.</li><li>Pada setiap rakaat kedua dibaca surah al-Ikhlas</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Dibaca salah satu surah untuk kedua-dua rakaat dari surah at-Takathur sehingga surah al-Kafirun.*</li></ul>
Dari malam 16 hingga akhir Ramadan	<ul style="list-style-type: none"><li>Pada setiap rakaat pertama dibaca surah al-Qadr.</li><li>Pada setiap rakaat kedua pula dibaca satu surah dari surah at-Takathur sehingga surah al-Lahab.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>Dibaca salah satu surah untuk kedua-dua rakaat dari surah at-Takathur sehingga surah al-Kafirun.</li></ul>

\*Sila rujuk **lampiran B** bagi perincian susunan surah.



## Adakah perlu dilakukan solat witir selepas solat tarawih?

---

53. Setelah selesai mendirikan solat tarawih adalah dianjurkan untuk mendirikan solat witir. Namun solat witir ini juga boleh dilakukan sama ada setelah selesai semua solat pada penghujung malam, atau selepas bangun dari tidur (yang lebih dikenali dengan Qiyamullail) seperti yang dijelaskan dalam sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "*Jadikanlah akhir solat kamu pada waktu malam dengan melakukan solat sunnat witir.*"<sup>22</sup> Solat witir hendaklah dilakukan dalam jumlah rakaat yang ganjil dan biasanya didirikan sebanyak 3 rakaat (boleh dilaksanakan dengan satu salam atau dengan dua salam). Niat solat sunat witir adalah:

**أَصْلَى سُنَّةَ الْوَتْرِ رَكْعَتَيْنِ / رَكْعَةً إِمَامًا / مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى**  
*(Usolli sunnatal witri rak'atini/ rak'atan imaamam/ makmumam  
lillahi ta'ala)*

*Sahaja aku solat sunnat witir dua/satu rakaat secara imam/makmum kerana Allah ta'ala.*

---

[22] Al-Bukhārī, Saḥīḥ al-Bukhārī, hadis no.: 998; Lihat juga, Muslim bin al-Hajjaj, Saḥīḥ Muslim, hadis no.: 751.



## Apakah bacaan dalam solat witir?

---

54. Selepas membaca surah al-Fatihah dalam solat witir, anda boleh membaca Surah al-A'la pada rakaat pertama dan surah al-Kafirun pada rakaat kedua. Anda juga boleh membaca surah-surah yang pendek mengikut kemampuan masing-masing.
  
55. Pada rakaat terakhir pula dibaca 3 surah terakhir dalam al-Qur'an iaitu surah al-Ikhlas, al-Falaq dan al-Nas selepas membaca surah al-Fatihah.
  
56. Pada malam 16 hingga malam akhir bulan Ramadan disunatkan untuk membaca doa qunut pada akhir rakaat solat witir.<sup>23</sup> Bacaan doanya sama dengan doa qunut solat subuh.

## Apakah doa-doa yang boleh diamalkan oleh kami sekeluarga setelah selesai solat tarawih dan solat witir?

---

57. Terlebih dahulu, segala doa-doa yang bakal dikongsi merupakan amalan yang digalakkan. Sekiranya anda tidak membaca doa-doa tersebut, ia tidak menjadi syarat sah ibadah tarawih anda. Mengambil kira situasi penularan wabak ini, kita dianjurkan juga untuk membaca doa tolak bala'/wabak setelah solat tarawih.

---

[23] Al-Sharbīnī, Mughnī al-Muhtāj, juz 1, hlmn. 361.

## A) Doa dan zikir selepas tarawih.

58. Terdapat beberapa zikir yang boleh dimanfaatkan setelah kita selesai solat tarawih dan solat witir:

i. سُبْحَانَ الْمَلِكِ الْقُدُّوسِ (3x)

(*Subhanal malikil qudduus*- 3x)

ii. سُبُّوحٌ قُدُّوسٌ رَبُّنَا وَ رَبُّ الْمَلَائِكَةِ وَ الرُّوحِ (3x)

(*Subbuuhun qudduusun rabbuna wa rabbul malaikati war-ruhi* -3x)

iii. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ، نَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَ نَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ (3x)

(*Ash-hadu an laa-ilaaha illallah, astaghfirullah, nas-alukal jannata wa na'udzubika minan-naar* -3x)

iv. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا (3x) يَا كَرِيم

(*Allahumma innaka 'afuwun tuhibbul 'afwa fa'fu 'anna-3x Ya Kareem*)

v. اللَّهُمَّ أَجِزْنَا مِنَ النَّارِ (3x)

(*Allahumma ajirnaa minan-naar* -3x)

Dan diakhiri dengan bacaan doa:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ، حَمْدًا يُوَافِي نِعْمَةً وَيُكَافِي مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا بِالإِيمَانِ كَامِلِينَ، وَلِلْفَرَائِضِ مُؤْدِينَ، وَلِلصَّلَاةِ حَافِظِينَ، وَلِلزَّكَاءِ فَاعِلِينَ، وَلِمَا عِنْدَكَ طَالِبِينَ، وَلِغُوفِوكَ رَاجِينَ، وَبِالْهُدَى مُتَمَسِّكِينَ، وَعَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضِينَ، وَفِي الدُّنْيَا زَاهِدِينَ، وَفِي الْآخِرَةِ رَاغِبِينَ، وَبِالْقَضَاءِ رَاضِيْنَ، وَبِالنَّعْمَاءِ شَاكِرِينَ، وَعَلَى الْبَلَائِيَا صَابِرِينَ، وَتَحْتَ لِوَاءِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ سَائِرِينَ، وَإِلَى الْحَوْضِ وَارِدِينَ، وَإِلَى الْجَنَّةِ دَاخِلِينَ، وَمِنَ النَّارِ نَاجِينَ، وَعَلَى سَرِيرِ الْكَرَامَةِ قَاعِدِينَ، وَبِحُورِ عَيْنٍ مُتَزَوِّجِينَ، وَمِنْ سُنْدُسٍ وَإِسْتَبْرَقٍ وَدِيَّا جِ مُتَلَبِّسِينَ، وَمِنْ طَعَامِ الْجَنَّةِ آكِلِينَ، وَمِنْ لَبَنٍ وَعَسَلٍ مُصَفَّى شَارِبِينَ، بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقٍ وَكَأْسِ مِنْ مَعِينٍ، مَعَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ مِنَ النَّبِيِّينَ وَالصَّدِيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ وَالصَّالِحِينَ، وَحَسْنَ أُولَئِكَ رَفِيقًا، ذَلِكَ الْفَضْلُ مِنَ اللَّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ عَلِيِّمًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْنَا فِي هَذَا الشَّهْرِ الشَّرِيفِ الْمُبَارَكَةِ مِنَ السُّعَادَاءِ الْمَقْبُولِينَ، وَلَا تَجْعَلْنَا مِنَ الْأَشْقِيَاءِ الْمَرْدُودِينَ. وَصَلِّ اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَآلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.



Yang bermaksud:

*"Ya Allah, Jadikanlah kami golongan yang imannya sempurna, menunaikan segala kewajipan, memelihara solat, menunaikan zakat, mencari segala kebaikan di sisiMu, mengharap pengampunanMu, sentiasa berpegang teguh dengan petunjukMu, terhindar dari segala penyelewengan, zuhud di dunia dan gembira di akhirat, meredhai ketentuan qada', mensyukuri segala nikmatMu, tabah terhadap musibah. Dan semoga di akhirat nanti, kami disertakan di bawah naungan panji-panji junjungan kami Nabi Muhammad s.a.w., dapat melalui telaga Kauthar, dimasukkan ke dalam syurga, terhindar dari api neraka dan duduk di atas singgahsana yang mulia, didampingi bidadari syurga dengan berpakaian baju kebesaran daripada sutera berwarna-warni, menikmati santapan syurga yang lazat, minum susu dan madu yang suci lagi bersih di dalam bekas dan kendi dari mata air yang sentiasa mengalir; bersama orang-orang yang telah Kau berikan nikmat pada mereka, iaitu daripada golongan para Nabi, para siddiqin, syuhada' dan orang-orang yang soleh. Dan beruntung sekali sekiranya mereka menjadi teman-teman kami. Demikianlah kelebihan daripada Allah yang Maha Mengetahui.*

*Ya Allah, jadikanlah kami pada malam yang mulia dan diberkati ini, tergolong daripada mereka yang bahagia dan diterima amalannya, dan janganlah Engkau jadikan kami tergolong di kalangan orang-orang yang celaka dan ditolak amalannya.*

*Semoga Allah mencurahkan rahmatNya ke atas penghulu kami Nabi Muhammad s.a.w., keluarga dan para sahabat Baginda semuanya; berkat rahmatMu, wahai yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang dan segala puji bagi Tuhan Pemelihara alam semesta."*

## B) Doa tolak bala'/ wabak

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ، وَقِنَا شَرَّ الدَّاءِ، بِلُطْفِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاجِمِينَ.

اللَّهُمَّ ادْفِعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالزَّلَازِلَ وَالْمِحَنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ،  
عَنْ بَلَدِنَا خَاصَّةً، وَسَائِرِ الْبُلْدَانِ عَامَّةً، يَارَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ اقْضِ حَوَائِجَنَا، وَاسْتَجِبْ دُعَاءَنَا، وَاشْفِ مَرَضَانَا، وَارْحَمْ مَوْتَانَا،  
وَآتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

*Allahummasrif 'anna hazal wabaa', wa qinaa syarral daa', bi  
lutfika ya Arhamar rahimin.*

*Allahumma-dfa' 'annal balaa' wal wabaa' waz zalaazila wal mihan,  
ma zohara min-ha wa ma batan, 'an baladina khaasah, wa saa-  
iril-buldaani 'ammah, ya rabbal 'alamin.*

*Allahumma-qdhi hawaa-ijana, wastajib du'a-ana, washfi  
mardhona, war-ham mautaanaa, wa-aatinaa fid-dunya hasanah  
wa fil-akhirati hasanah, wa qinaa 'azaban-naar.*



Yang bermaksud:

*Ya Allah Ya Tuhan Kami, palingkanlah wabak ini daripada kami, peliharalah kami dari sebarang keburukan yang membinasakan, dengan kelembutanMu, wahai Tuhan yang Maha Mengasihani.*

*Ya Allah Ya Tuhan Kami, hindarkanlah daripada kami segala bala' dan wabak, gempa bumi, dan ujian, apa yang terzahir daripadanya dan apa yang tersembunyi, daripada negara kami khususnya, dan kesemua negara amnya, wahai Tuhan sekalian alam.*

*Ya Allah Ya Tuhan Kami, tunaikanlah permintaan kami, kabulkanlah doa kami, sembuhkanlah penyakit kami, dan kasihanilah mereka yang telah meninggal dunia, dan berikanlah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan lindungilah kami daripada azab api neraka.*

## Lampiran A: Keputusan Fatwa dan Pandangan Agama

### ASEAN

Singapura	<p><b>Majlis Ugama Islam Singapura</b></p> <p><b>18 Feb:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Pihak Masjid bertanggungjawab untuk melarang mana-mana jemaah yang mempunyai tanda-tanda sakit dari memasuki ke kawasan masjid.</li><li>• Sekiranya penularan virus semakin kritikal, maka penutupan masjid dan penangguhan solat jemaah dan Jumaat adalah diharuskan syarak.</li></ul>
Malaysia	<p><b>Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis.</b></p> <p><b>13 Mac:</b></p> <p>Solat Jumaat seluruh Negeri Perlis digantikan dengan solat zohor di rumah masing-masing. Dan pengurusan masjid-masjid harus mengelak daripada melaksanakan aktiviti perhimpunan awam yang berskala besar.</p>
Jakim, Malaysia	<p><b>16 Mac:</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Semua aktiviti masjid termasuk solat jemaah dan solat Jumaat ditangguhkan daripada 17 Mac hingga 26 Mac 2020.</li><li>• Sekiranya berlaku kematian akibat COVID-19, jenazah boleh ditayammum di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik.</li></ul>

Brunei  
Darussalam

**Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam**

**16 Mac:**

Masjid, surau dan balai ibadat ditutup sehingga 23 Mac 2020. Tiada solat jemaah dan solat Jumaat sepanjang penutupan tersebut. Walau bagaimanapun, azan tetap diteruskan dan pegawai masjid bertugas seperti biasa.

## TIMUR TENGAH

**Kesatuan Ulama Muslim Sedunia**

**13 Mac:**

Menyeru negara terjejas dengan wabak COVID-19 menangguhkan solat Jumaat sehingga keadaan kembali pulih.

Mesir

**Dar al-Ifta', Mesir**

**27 Feb:**

Berpandangan bahawa penggantungan visa Umrah oleh pihak Arab Saudi merupakan suatu keputusan yang selari dengan mengikut ketentuan Syariat Islam.

---

**Majlis Ulama Kanan Al-Azhar**

**15 Mac:**

Meluluskan fatwa boleh menangguhkan solat Jumaat dan jemaah di masjid. Dengan itu, lafaz azan diubah daripada "hayya 'ala al-salah' kepada 'sollu fi biyuutikum".

<b>UAE</b>	<p><b>Majlis al-Imarat li al-Ifta' al-Syar'i</b></p> <p><b>29 Feb:</b></p> <p>Haram bagi sesiapa yang dijangkiti atau disyaki sakit untuk pergi ke tempat awam atau masjid bagi melaksanakan solat jemaah atau solat Jumaat.</p>
<b>Arab Saudi</b>	<p><b>Majma' al-Fiqh al-Islami al-Duwali</b></p> <p><b>29 Feb:</b></p> <p>Membenarkan penggantungan Umrah di Makkah dan lawatan ke Masjid Nabi di Madinah. Ia berpandukan kepada kaedah <i>"Suatu kewajipan tidak dapat disempurnakan melainkan dengannya, maka perkara tersebut menjadi wajib."</i></p> <hr/> <p><b>Council of Senior Scholars</b></p> <p><b>12 Mac:</b></p> <p>Tidak membenarkan solat Jumaat dan jemaah bagi individu yang telah dijangkiti wabak. Adapun bagi individu yang khuatir/ takut akan dijangkiti, maka dibolehkan bagi mereka untuk tidak solat Jumaat dan solat berjemaah di masjid.</p>
<b>Iraq</b>	<p><b>Majlis al-Awqaf (Sunni)</b></p> <p><b>12 Mac:</b></p> <p>Solat Jumaat dan jemaah di dalam masjid digantung buat seketika bagi orang awam. Walau bagaimanapun, solat jemaah masih boleh didirikan di rumah masing-masing dengan mengikut suara imam daripada masjid berdekatan. Bagi solat jemaah di dalam masjid hanya dihadkan kepada seorang imam, seorang muazzin dan beberapa petugas masjid.</p>

Iraq	<p><b>Sheikh Ali al-Sistani (Syiah)</b></p> <p><b>10 Mac:</b></p> <p>Mengikut nasihat oleh Kementerian Kesihatan, masjid telah ditutup semenjak 6 Mac sehingga makluman lanjut.</p>
Lebanon	<p><b>Sunni (Dar al-Fatwa)</b></p> <p><b>14 Mac:</b></p> <p>Masjid akan ditutup dan solat Jumaat dan jemaah ditangguhkan seketika hingga makluman lanjut. Azan dikumandangkan seperti biasa.</p> <hr/> <p><b>Majlis Tertinggi Syiah</b></p> <p><b>13 Mac:</b></p> <p>Semua masjid ditutup, solat Jumaat dan jemaah digantung buat seketika.</p>
Palestine	<p><b>Kementerian Hal Ehwal Agama, Palestine</b></p> <p><b>13 Mac:</b></p> <p>Bagi mengelak penularan wabak COVID-19, aktiviti keagamaan di masjid-masjid dan gereja di West Bank digantung buat seketika.</p>
Kuwait	<p><b>Kementerian Awqaf dan Hal Ehwal Agama</b></p> <p><b>13 Mac:</b></p> <p>Solat Jumaat dan jemaah harus digantung buat seketika sehingga makluman lanjut.</p>

<b>Jordan</b>	<p><b>Dar al-Ifta', Jordan</b></p> <p><b>14 Mac:</b></p> <p>Solat Jumaat dan jemaah digantung buat seketika di masjid-masjid seluruh negara. Akan tetapi, agar <i>sy'i'ar</i> Islam dapat dikekalkan, solat Jumaat akan didirikan hanya di masjid Raja Hussein Bin Talal. Para hadirin hanya terhad kepada 40 orang yang terdiri daripada petugas kesihatan Diraja.</p>
<b>Syria</b>	<p><b>Kementerian Al-Awqaf</b></p> <p><b>14 Mac:</b></p> <p>Solat Jumaat dan jemaah digantungkan bermula daripada 13 Mac sehingga 4 April.</p>
<h2>Lain-lain Keputusan</h2>	
<b>Australia</b>	<p><b>Majlis Imam Kebangsaan Australia</b></p> <p><b>16 Mac :</b></p> <p>Menggantungkan solat Jumaat berjemaah buat sementara waktu.</p>
	<p><b>Majlis Fatwa Eropah</b></p> <p><b>2 Mac:</b></p> <p>Majlis menyeru para imam dan pemimpin masjid untuk mengambil segala langkah pencengahan dan jika perlu, tidak melakukan solat berjemaah dan solat Jumaat. Serta menangguhkan pengajian, persekolahan, kuliah dan lain-lain sebagai langkah berjaga-jaga.</p>

## Lampiran B: Susunan surah-surah pendek

### Surah-surah bagi bacaan dalam solat sunnat tarawih

	Malam 1 - 15	Malam 16-30
8 Rakaat	<ul style="list-style-type: none"><li>• Surah At-Takathur</li><li>• Surah Al-'Asr</li><li>• Surah Al-Humazah</li><li>• Surah Al-Fil</li><li>• Surah Qurasy</li><li>• Surah Al-Ma'un</li><li>• Surah Al-Kauthar</li><li>• Surah Al-Kafirun</li><li>• Surah Al-Nasr</li><li>• Surah Al-Lahab</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Surah At-Takathur</li><li>• Surah Al-'Asr</li><li>• Surah Al-Humazah</li><li>• Surah Al-Fil</li><li>• Surah Qurasy</li><li>• Surah Al-Ma'un</li><li>• Surah Al-Kauthar</li><li>• Surah Al-Kafirun</li><li>• Surah Al-Nasr</li><li>• Surah Al-Lahab</li></ul>
20 Rakaat	<p><b>Setiap Rakaat Pertama</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Surah At-Takathur</li><li>• Surah Al-'Asr</li><li>• Surah Al-Humazah</li><li>• Surah Al-Fil</li><li>• Surah Qurasy</li><li>• Surah Al-Ma'un</li><li>• Surah Al-Kauthar</li><li>• Surah Al-Kafirun</li><li>• Surah Al-Nasr</li><li>• Surah Al-Lahab</li></ul> <p><b>Setiap Rakaat Kedua</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Surah Al-Ikhlas</li></ul>	<p><b>Setiap Rakaat Pertama</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Surah Al-Qadr</li></ul> <p><b>Setiap Rakaat Kedua</b></p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Surah At-Takathur</li><li>• Surah Al-'Asr</li><li>• Surah Al-Humazah</li><li>• Surah Al-Fil</li><li>• Surah Qurasy</li><li>• Surah Al-Ma'un</li><li>• Surah Al-Kauthar</li><li>• Surah Al-Kafirun</li><li>• Surah Al-Nasr</li><li>• Surah Al-Lahab</li></ul>



*Office*  
OF THE  
**MUFTI**